



Sivakumar (dua dari kanan) bersama pegawai penguat kuasa pelbagai agensi melakukan pemeriksaan terhadap peniaga sayur dalam Operasi Pasar Borong Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

JTKSM keluar 1,654 kertas siasatan babit tiga akta

Kuala Lumpur: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mengeluarkan 1,654 kertas siasatan membabitkan Akta Kerja 1955, Akta 446 dan Perintah Gaji Minimum 2022 pada tempoh Januari hingga Oktober lalu.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, daripada jumlah keseluruhan berkenaan, sebanyak 357 kertas siasatan yang dibuka dan mengeluarkan denda bernilai RM391,236.00.

"Sebanyak 775 kertas siasatan pula, JTKSM mengeluarkan kompaun bernilai RM3,958,500.00.

"Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui semua jabatan dan agensi di bawahnya akan terus melaksanakan penguatkuasaan mengikut bidang kuasa masing-masing," katanya ketika sidang media selepas mengadakan Operasi Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Beliau berkata, JTK akan terus berusaha meningkatkan lagi penguatkuasaan terhadap akta perburuhan, termasuk Akta Kerja 1955, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Ke-

mudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019 (Akta 446) serta Perintah Gaji Minimum 2022.

"Penguatkuasaan ke atas semua akta berkenaan amat penting dilaksanakan secara bertenangan bagi memastikan tahap pematuhan oleh semua majikan dan juga premis pekerjaan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan bukan secara berkala," katanya.

Periksa keadaan pekerja

Sementara itu, mengenai operasi dilaksanakan di Pasar Borong Kuala Lumpur semalam, beliau berkata, operasi berkenaan bertujuan melihat sendiri keadaan pekerja di pasar besar berkenaan.

"Saya dimaklumkan bahawa terdapat lebih kurang 480 majikan atau peniaga yang beroperasi di dalam pasar borong ini yang rata-ratanya menjual tiga jenis makanan iaitu ikan, sayur dan juga buah-buahan.

"Difahamkan bahawa keseluruhan pasar borong berkenaan menggajikan 5,000 orang pekerja yang terdiri daripada tenaga ker-

ja tempatan memandangkan polisi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang tidak membenarkan penggajian pekerja asing," katanya.

Beliau berkata, komposisi bilangan pekerja terbabit masih dalam siasatan dan akan direkodkan kemudian selepas siasatan lanjut dilaksanakan.

"Perkara yang lebih utama dalam operasi berkenaan adalah untuk memeriksa dan menilai sendiri keadaan pekerja dalam semua aspek.

"Ia termasuk dari segi pembayaran gaji, bayaran kerja lebih masa, penginapan mahupun yang berkaitan," katanya.

Katanya, KSM akan memantau persekitaran pekerjaan yang dihadapi adakah ia selamat dan memenuhi piawaian JKKP.

"Selain itu untuk memastikan dan meneliti apakah caruman yang betul-betul dibuat bagi memastikan kebajikan pekerja terjaga dan majikan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh semua jabatan dan agensi terbabit dalam operasi berkenaan," katanya.